

TEKS UCAPAN YB MENTERI PENGANGKUTAN

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM 3 MADANI: SANTUNI MADANI, KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI PERINGKAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN TAHUN 2025

6 DISEMBER 2025

**BALAI RAYA KAMPUNG PANCHOR, SEREMBAN, NEGERI
SEMBILAN**

SALUTASI

YBhg. Dato' Ir. Ts. Haji Masri bin Baharuddin

Datuk Bandar Majlis Bandar Raya Seremban,

YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin

Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri merangkap
ADUN Lenggeng,

YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman

ADUN Ampangan,

YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan,

YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan,

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,

Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung,

Tuan-tuan dan Puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Saya amat berbesar hati dengan kehadiran para hadirin sekalian untuk bersama-sama memeriahkan Majlis Pelancaran Program 3 MADANI: **Santuni MADANI, Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI** Kementerian Pengangkutan Tahun 2025.

Pengenalan Program 3 MADANI Kementerian Pengangkutan

2. Program 3 MADANI ini adalah inisiatif Kementerian Pengangkutan (MOT) yang menyeluruh untuk menterjemahkan aspirasi MADANI di peringkat akar umbi. Ia melibatkan tiga komponen utama iaitu Santuni MADANI, Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI.

3. Fokus kita jelas, iaitu untuk memastikan pembangunan negara tidak hanya tertumpu di bandar besar, tetapi melimpah ke kawasan luar bandar, agar tiada yang terpinggir.

SANTUNI MADANI & KAMPUNG ANGKAT MADANI

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Santuni MADANI merupakan satu kaedah meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung serta libat urus bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi dan keperluan penduduk di kampung tersebut.
5. Melalui program Santuni MADANI, kita melaksanakan pemantauan terus dan libat urus bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi penduduk. Dapatan daripada program Santuni ini, diterjemahkan kepada penyelesaian infrastruktur fizikal melalui **Kampung Angkat MADANI (KAM)** yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023. Kampung Angkat MADANI bertujuan untuk merapatkan jurang antara desa dan bandar dengan

melengkapkan kemudahan asas air, elektrik, jalan, lampu jalan, kemudahan masyarakat dan capaian internet.

6. Program Kampung Angkat MADANI merupakan suatu pendekatan yang menyentuh denyut nadi rakyat bagi melengkapi keperluan asas infrastruktur setiap kampung yang terpilih. Penglibatan pelbagai Kementerian/Agensi dilihat dapat membantu memenuhi keperluan sebuah kampung melalui komunikasi secara langsung dengan penduduk kampung dan permasalahan yang dialami. Sinergi di antara seluruh jentera kerajaan dapat diperkasakan hasil daripada inisiatif semua pihak dengan fungsi dan peranan yang berbeza.
7. MOT memberi tumpuan kepada dua buah kampung utama di Seremban; Kampung Panchor dan Kampung Baru Paroi.
8. Di Kampung Baru Paroi, MOT sedang giat menaik taraf infrastruktur sukan dan komuniti. Ini termasuk menaik taraf gelanggang bola keranjang dan tandas awam di situ, serta membina papan tanda pengenalan kampung yang baharu.
9. Di Kampung Panchor ini, melalui sinergi bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan peruntukan Kerajaan, projek bernilai hampir

RM1 juta telah diluluskan untuk kesejahteraan penduduk kampung ini.

10. JPJ Negeri Sembilan telah melaksanakan projek membaik pulih longkang yang pecah di Perumahan Rakyat Panchor, menaik taraf gelanggang futsal yang rosak serta kerja-kerja pembersihan pokok liar yang berisiko.
11. Sementara itu, bagi projek yang diselaraskan oleh JPKK, tiga lagi inisiatif telah dilaksanakan iaitu baik pulih dan naik taraf taman permainan serta pagar keselamatan di Perumahan Rakyat Panchor, pembinaan arca baharu di pintu masuk Rumah Rakyat Panchor serta pagar *galvanized anti-climb* di Surau Taman Jemerleng Indah.
12. Selain itu, program gotong-royong pembersihan kampung dan Program Mesra Rakyat turut diadakan yang melibatkan penyertaan aktif penduduk setempat, JPKK, pihak sekolah, agensi kerajaan serta sukarelawan.
13. Seterusnya, MOT juga bertindak sebagai *Mediator*. Kita permudahkan urusan penduduk dengan agensi berkaitan, seperti membantu permohonan pertukaran status tanah dari *leasehold* ke *freehold* dengan Pejabat Tanah dan Galian serta menyelesaikan isu paip

sambungan dengan pihak Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS).

SEKOLAH ANGKAT MADANI

Hadirin sekalian,

14. Inisiatif **Sekolah Angkat MADANI (SAM)** ini bertujuan membantu sekolah yang kekurangan sumber dengan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi setiap sekolah terpilih.
15. MOT dan agensi-agensi di bawahnya telah mengenal pasti beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan untuk dibantu, merangkumi aspek infrastruktur, akademik, dan pembangunan sahsiah pelajar.
16. Di sekolah SMK Seri Ampangan, peruntukan SAM digunakan untuk membekalkan aset Google TV bagi pembelajaran digital, menyokong program *team building* guru, serta kerja-kerja menurap jalan dan parkir kenderaan demi keselesaan warga sekolah.
17. Kedua, di bawah JPJ: Tumpuan diberikan kepada dua buah sekolah di DUN Lenggeng iaitu SMK Panchor dan Sekolah Kebangsaan (SK) Panchor. Fokus bantuan diberikan kepada usaha menaik taraf pusat sumber,

makmal komputer. JPJ juga menambah perolehan peralatan sukan demi melahirkan pelajar yang bukan sahaja celik digital dan tetapi juga aktif.

18. Ketiga, di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD): Kita menyantuni SMK Teriang Hilir di Jelebu. Penentuan skop pelaksanaan program SAM di sekolah ini dibuat dengan mengambil kira keperluan sebenar pihak sekolah iaitu memastikan aspek penting pembangunan sekolah diberikan keutamaan. Program ini merangkumi program pemantapan profesionalisme guru, penaiktarafan kemudahan sedia ada, penganjuran majlis graduasi dan sumbangan peralatan sukan.
19. Keempat, di bawah Jabatan Laut Malaysia (JLM): Kita memilih SK Mantin di DUN Nilai. Sebagai sebuah sekolah rendah bandar berstatus Gred A, SK Mantin merupakan antara institusi pendidikan penting yang menampung keperluan komuniti setempat. Peruntukan RM100,000 di sekolah ini diagihkan secara holistik untuk aktiviti akademik dan kokurikulum, hal ehwal murid serta infrastruktur bagi menyokong 1,388 orang murid di sekolah tersebut.
20. MOT berharap Program Sekolah Angkat MADANI dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan yang holistik, bukan sahaja dari segi akademik,

malah dari aspek sahsiah, kepimpinan, disiplin dan nilai murni selaras dengan prinsip teras Malaysia MADANI. Program ini diharapkan dapat mengukuhkan ekosistem kerjasama antara kementerian, agensi, pihak sekolah, ibu bapa, industri serta komuniti setempat dalam membangunkan potensi pelajar secara menyeluruh.

PENUTUP

21. Pelaksanaan projek-projek ini di kampung dan sekolah terpilih bukan sekadar pembangunan fizikal semata-mata. Ia adalah simbol kebersamaan Kerajaan MADANI dengan rakyat.
22. Pendekatan 'Whole of Government' yang kita ambil hari ini —menggabungkan usaha MOT, JPJ, APAD, JLM serta agensi kerajaan negeri, adalah bertujuan untuk memastikan setiap sen peruntukan sampai terus kepada sasarannya. Inisiatif ini membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan rakyat luar bandar menerima perhatian sewajarnya. Ia juga memastikan mereka tidak dipinggirkan dalam arus pembangunan negara.
23. Saya menyeru kepada seluruh warga Kampung Panchor, Kampung Baru Paroi serta warga sekolah yang terlibat agar memanfaatkan segala fasiliti yang disediakan

ini dengan sebaik-baiknya, dan peliharalah kemudahan ini sebagai harta bersama, agar ia terus memberi manfaat kepada generasi hari ini dan masa hadapan.

24. Akhirnya saya dengan ini merasmikan Program 3 MADANI Peringkat MOT Tahun 2025.

Sekian, terima kasih!